Starmetro. 9/4/22 (Saturday). pg: 4

# Well-stocked and ready in Lorong TAR

## Traders expect higher footfall by third week of Ramadan

By **FARID WAHAB**
faridwahab@thestar.com.my

DONNA Adlina Hasin, 45, is unpacking a stack of clothes at a shop in Lorong Tuanku Abdul Rahman when a customer stops by to ask about the price of a *baju kurung* on display.

She happily attends to the customer while also showing other traditional clothes on sale at the shop in Kuala Lumpur's shopping hotspot.

"I have worked here for four years.

"There was a huge drop in sales in the last two years because of the Covid-19 pandemic and various movement control orders.

"Many are unsure if business will return to pre-pandemic days now that restrictions are relaxed," she said.

The mother of two from Kepong is among many workers in Lorong TAR who are hoping for brisk sales this Ramadan.

"We have unsold stock from last year. If we get more customers, we might consider closing later than usual," she added.

Another worker Noor Azura Nordin, 32, hopes Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will allow the shops to extend business hours this year.

"Before the pandemic, shops here opened until 4am in the days leading up to Hari Raya Aidilfitri to cater to last-minute shoppers.

"Nowadays, we close around 8pm daily.

"We are anticipating higher footfall this year, especially beginning the third week of April," she said.

Azura also said that there was an increase in the prices of traditional wear due to higher cost of fabrics.



DBKL has removed the metal fences separating the Hari Raya bazaar from the shops along Lorong Tuanku Abdul Rahman.

"Traders have no choice but to raise their prices to cover operating costs," she explained.

Suriati Rasunan, 46, said prices of imported items, too, had gone up.

"For example, *kain pelikat* from Indonesia used to cost RM10 a piece but is RM13 now," she said, adding that customers had complained about the price hike.

Nevertheless, Suriati is optimistic that sales will be better than last year as people are shopping to prepare to *balik kampung* this year.

"We are confident that the footfall will skyrocket in the third week of Ramadan," she added.

Abdul Karim Ruslan, 18, described the increase in prices as minimal and unlikely to deter customers.

"We are stocking up on the latest *kurta* and *baju melayu* designs to attract shoppers," he said.

Operators will once again have to deal with the annual Hari Raya bazaar set up in front of their shops.



Noor Azura hopes DBKL will permit the shops to extend their business hours this year.



Abdul Karim says the increase in prices of traditional wear is minimal.

Metal fences that were put up to demarcate the bazaar from the shops have since been removed by DBKL.

DBKL, in a statement on Thursday, said the fences would be removed following complaints from shopowners.

It said five entry points to the bazaar would be available.

The bazaar, spanning from Campbell Complex to the Malayan Mansion in Jalan Masjid India, is open from today until May 2.

Star lifestyle . 9/4/22 (Saturday) . pg:7

# Chow Kit comes alive

By DINESH KUMAR MAGANATHAN
lifestyle@thestar.com.my



A giant mural of the late singer Sudirman is seen on a building near Bazar Sudirman in Chow Kit. It was painted by Syamsul Haffiz Addenno in January. – AZHAR MAHFOF/The Star



Haris chose local flowers for his urban art project at the Yayasan Chow Kit building to inspire hope.– HARIS RASHID

THE Chow Kit Art Sanctuary project is brightening up buildings in one of Kuala Lumpur's busiest urban areas.

On the Yayasan Chow Kit building, contemporary artist Haris Rashid has painted a massive wall mural with a simple message: stay positive.

Featuring tropical plants such as the pitcher plant, hibiscus and rafflesia, the three-storey-high mural symbolises diversity.

"It's also about growing and thriving despite life's challenges and hurdles. A story of survival and triumph," says Haris, 29.

This message of hope and positivity seems apt as the non-governmental organisation is a drop-in centre for at-risk children and teenagers in Chow Kit. It provides meals, therapy and educational programmes.

"The colours are based on our melting pot of cultures influencing each other."

The Petaling Jaya-based artist adds that it was important for him to paint a mural that blended seamlessly with the building's surrounding area.

## A colourful splash

This mural project is part of the Chow Kit Art Sanctuary initiative, supported by the Cultural Economy Development Agency's (Cendana), MyCreative Ventures and the KL City Hall (DBKL).

Haris and muralists Syamsul Haffiz Addenno and Shany Ahmed were commissioned under this urban art initiative to give the walls in Chow Kit a vibrant and colourful splash.

Syamsul spent nearly 200 hours earlier this year painting a mural of the late pop music legend Datuk Sudirman Arshad on the walls of a building adjacent to Jalan Chow Kit.

Sudirman held the Chow Kit Road Concert, which drew close to 100,000 people, at the exact same location in April 1986.

The mural titled *Legend Of Sudirman* is a slice of Malaysian pop nostalgia for visitors to the area.

Shany Ahmed, or Manje as she is affectionately known, has yet to start on her mural in Chow Kit. But she assisted Haris in painting his flower mural, which took two days to complete.

"This project is important to me because I've always tried to challenge myself with my art and I've always wanted to work on a public KL wall," says Haris, who used 10 spray paint cans and 6*l* of wall paint to complete his mural.

He has painted nearly 20 wall murals, one of them being his 2019, wildlife-inspired mural on the walls of Toppen Shopping Centre in Tebrau, Johor.

"This one being the Yayasan Chow Kit building makes it even more meaningful to me. I do hope that it brings some positivity and inspiration for the kids to dream.

"Also, because Chow Kit used to be the centre of activity in KL at one point, our aim is to bring back the culture to the walls and present it in a new light," says Haris.

kosmo . 9/4/22 (sabtu) . m/s: 5

# KWP 'putihkan' 2,856 keluarga miskin

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan memperuntukkan kira-kira RM6 juta yang akan dibelanjakan sehingga akhir tahun ini bagi membantu mereka yang memerlukan termasuk keluarga miskin tegar di Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pada masa ini, seramai 2,856 ketua keluarga isi rumah di Wilayah Persekutuan yang sebelum ini berstatus miskin tegar telah dibantu serta 'diputihkan' daripada kategori tersebut.

Katanya, jumlah yang direkodkan itu adalah daripada 4,000 miskin tegar di Wilayah Persekutuan dengan 600 daripadanya tidak menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak.

"Berdasarkan angka daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat



SHAHIDAN (kiri) menyampaikan sumbangan kepada penerima sempena Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2022 di Kompleks Perbadanan Putrajaya kelmarin.

(JKM), bantuan yang mereka telah berikan lebih daripada RM30,000. Sekarang ini kita nak minta angka itu diperbetulkan mengikut Unit Penyelarasan Pelaksana (ICU) Jabatan Perdana Menteri supaya kita dapat angka sebenarnya.

"Ini untuk kita beri bantuan dan sumbangan agar mereka melepasi pendapatan RM1,110 dengan caranya adalah melalui Yayasan Wilayah Persekutuan. Untuk orang Islam boleh dapat bantuan daripada Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), manakala orang bukan Islam pula kita beri melalui yayasan ini," katanya ketika ditemui pada Program Nur Ramadan Putrajaya, di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selain pemberian bantuan, pihaknya juga memastikan mereka yang dibantu ini berusaha untuk mendapatkan sumber pendapatan antaranya bekerja dari rumah.

"Selain itu, kita akan umumkan dalam masa terdekat berhubung program ekonomi yang dibuat bersama sebuah universiti. Kerjasama ini akan membolehkan mereka memperoleh sumber pendapatan.

"Seterusnya, terdapat kios untuk 1,000 anak muda berniaga dengan keutamaan diberi kepada kalangan B40. Saya menggalakkan anak muda yang hendak berniaga, semua akan diberi perhatian," ujarnya.

Sementara itu, berhubung Program Nur Ramadan Putrajaya kelmarin, seramai 200 penerima bantuan di Putrajaya terdiri daripada anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) dan mereka yang kurang berkemampuan menerima sumbangan wang tunai RM200 setiap seorang melalui peruntukan KWP dan Baitulmal MAIWP.

Asnaf juga menerima sumbangan barangan keperluan seperti periuk nasi, beras dan kurma dengan peruntukan sebanyak RM23,000 selain pihak KWP menyumbang wang tunai berjumlah RM519,500 kepada semua 824 masjid, surau Jumaat dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan bagi mengimarahkan suasana Ramadan pada tahun ini.

# Panorama






# Sensasi pantai buatan Putrajaya



SELAIN bermain pasir, pengunjung juga boleh berkelah bersama keluarga atau bersantai di tempat duduk bertingkat yang disediakan di Pantai Floria.



RUHSELAH

# Pantai dalam bandar gamit pengunjung

SETIAP kali tibanya hujung minggu sudah pasti pelbagai aktiviti dirancang oleh rakyat Malaysia lebih-lebih lagi setelah sekian lama terperuk di rumah akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik Covid-19.

Salah satu destinasi yang pastinya menjadi tumpuan orang ramai sudah tentulah kawasan pantai yang menjanjikan pasir memutih serta deruan ombak dan tiupan angin sepoi-sepoi bahasa yang sememangnya memberikan ketenangan setelah seminggu menghadap skrin komputer di pejabat.



Oleh **EDDY HAMIDI**

Namun, sebut sahaja mana-mana pantai yang terkenal sebagai destinasi pelancongan seperti Port Dickson, Negeri Sembilan, Pantai Cahaya Bulan (Kelantan) dan Teluk Cempedak di Pahang sudah pasti boleh membayangkan betapa ramainya pengunjung lebih-lebih lagi pada hujung minggu.

Keindahan pantai-pantai tersebut juga sudah pastinya sukar untuk dinikmati oleh penduduk bandar susulan jarak yang agak jauh, selain terikat dengan cuti hujung minggu yang cuma dua hari.

Bagaimanapun, penduduk bandar terutamanya mereka yang menetap di sekitar Lembah Klang tidak perlu lagi menempuhi perjalanan jauh untuk menikmati suasana pantai sebenar apabila kini terdapat sebuah pantai buatan di tengah-tengah bandar Putrajaya yang menanti mereka.

Bermula 1 Mac lalu, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memperkenalkan satu lagi kawasan tarikan pengunjung iaitu Pantai Floria yang terletak di persisiran Tasik Putrajaya di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya yang menjanjikan suasana seperti pantai sebenar.

Pantai Floria secara rasminya dibuka kepada umum pada 16 Mac lalu dan merupakan tasik buatan sepanjang 100 meter yang menjanjikan pengalaman tidak boleh dilupakan dengan pelbagai aktiviti termasuklah rekreasi air.

Pengarah Jabatan Perancang Bandar PPj (Persekitaran, Tasik dan Wetland), Ruhselah Ismail berkata, keputusan untuk menjadikan persisiran Tasik Putrajaya sebagai lokasi tarikan pengunjung dibuat selaras dengan usaha menjadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi.

"Setelah melalui proses pembinaan selama enam bulan bermula pada Jun sehingga Disember 2021, Pantai Floria kini dibuka kepada pengunjung dengan kadar bayaran RM3 bagi dewasa dan remaja berumur 12 tahun ke atas, manakala kanak-kanak lima hingga 12 tahun dikenakan caj RM2.

"Pantai ini dibuka kepada orang ramai setiap hari bermula pukul 9 pagi hingga 6.30 petang kecuali pada hari Isnin bagi memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan," katanya kepada *Panorama* ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Ruhselah, pelbagai faktor diambil kira oleh pihak PPj dalam pemilihan lokasi bersesuaian bagi mewujudkan pantai dalam bandar yang pertama seumpamanya itu bagi menjanjikan pengalaman terbaik kepada pengunjung.

"Dalam meneliti beberapa lokasi yang sesuai untuk dijadikan tarikan pengunjung dan mudah akses, pihak kami juga perlu mengenal pasti apa jua aktiviti yang boleh dilakukan pengunjung di sini.

"Lokasi ini (Anjung Floria) dipilih memandangkan terdapat pelbagai aktiviti sokongan serta kemudahan tersedia, selain berhampiran lokasi ikonik lain, jadi pengunjung mempunyai banyak pilihan aktiviti yang boleh dilakukan," ujar beliau.

Bercerita lanjut, Ruhselah memaklumkan, aktiviti dimaksudkan adalah seperti berkelah, memancing serta aktiviti air seperti berkayak dan bot kawalan jauh yang boleh disewa di lokasi.

"Selain pelbagai aktiviti yang dapat ditawarkan kepada pengunjung, kawasan di persisiran Tasik Putrajaya ini juga dipilih agar mereka dapat menikmati pemandangan yang indah dan suasana matahari terbenam di tengah bandar.

"Kewujudan pantai buatan ini juga merupakan yang pertama seumpamanya dan tidak ada di mana-mana kawasan pihak berkuasa

SEORANG pengunjung bersama anak lelakinya tidak melepaskan peluang merasai sendiri keunikan Pantai Floria yang merupakan satu-satunya pantai berpasir di dalam bandar.



Pantai Floria secara rasminya dibuka pada umum pada 16 Mac lalu dan merupakan tasik buatan sepanjang 100 meter yang menjanjikan pengalaman tidak boleh dilupakan dengan pelbagai aktiviti disediakan."

**EKSTRA**
PANTAI FLORIA

- Pantai buatan di tengah-tengah bandar Putrajaya, pasirnya dibawa khas dari Pelabuhan Klang
- Bermula 1 Mac lalu, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) perkenalkannya sebagai tarikan yang terletak di persisiran Tasik Putrajaya di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya
- Proses pembinaan selama kira-kira enam bulan bermula pada Jun sehingga Disember 2021
- Dibuka kepada pengunjung dengan kadar bayaran RM3 bagi dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas, manakala kanak-kanak lima hingga 12 tahun dikenakan caj RM2



PASIR pantai yang dibawa khas dari Pelabuhan Klang pastinya membuatkan pengunjung merasakan seperti berada di pantai sebenar.

tempatan (PBT) lain, malah PPj merupakan satu-satunya PBT yang mempunyai Undang-undang Kecil Tasik sendiri," jelasnya.

Berbicara mengenai tahap keselamatan dan kesihatan, Ruhselah menegaskan, perkara tersebut sentiasa menjadi keutamaan PPj dan mereka telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan awal bagi mengelakkan berlaku perkara tidak diingini kepada pengunjung.

"Apabila berbicara tentang aktiviti pantai di sini, sudah pastinya kualiti air menjadi kebimbangan pengunjung, namun tidak perlu risau kerana air di Tasik Putrajaya adalah di Kelas 2 yang membenarkan sebarang aktiviti sentuhan badan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kami di Jabatan Perancang PPj untuk menjaga kualiti air agar tiada sebarang kes kegatalan pada badan, malah sejak Tasik Putrajaya siap dibina 20 tahun lalu, PPj sudah menumpukan fokus kepada penjagaan kualiti air," katanya.

Bercerita lanjut mengenai pembinaan Pantai Floria, Jurutera Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar PPj, Tengku Mazuki Tengku Ismail berkata, pasir yang digunakan dibawa khas dari Pelabuhan Klang, malah dipastikan mempunyai cengkerang hidupan laut agar dapat memberikan perasaan seperti berada di pantai sebenar.

"Di hujung kedalaman 2 meter pantai ini kami turut membina tembok penghadang bagi mengelakkan pasir halus menggelongsor ke dalam tasik dan kerja-kerja penyelenggaraan sentiasa dilakukan secara berkala bagi memastikan hamparan pasir sentiasa cantik menanti pengunjung.

"Turut dipasang adalah penghadang kelodak (Floating Silt Curtain) bagi menghalang kelodak, lumpur atau objek lain masuk ke dalam kawasan Pantai Floria dan begitu juga sebaliknya agar tiada sebarang pencemaran berlaku di lokasi berkenaan," jelas beliau.

Menceritakan cabaran yang dihadapi dalam memastikan pantai berkenaan sentiasa bersedia menerima pengunjung, Tengku Marzuki berkata, pelbagai perkara diambil kira, namun tidak menolak kenyataan bahawa ia sudah pasti tidak dapat menandingi pantai sebenar.

"Jika di pantai sebenar sudah pasti ada ombak serta sistem filtrasi semula jadi lebih efisien, namun perkara ini kita turut perhalusi dan kini fokus diletakkan kepada penambahbaikan sistem penapisan kami agar air di tasik ini sentiasa bersih dan selamat.

"Kualiti air di tasik ini sentiasa diperiksa dengan melakukan pensampelan air secara berkala, malah pemeriksaan tahap pH air juga dilakukan setiap minggu, selain pemantauan di permukaan setiap hari agar pengunjung sentiasa selamat ketika mandi di sini," katanya.

Tengku Mazuki berkata, kerja penambahbaikan sentiasa dilakukan agar dapat memberikan yang terbaik kepada pengunjung, malah pihak pengurusan juga sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan dan saranan daripada orang ramai.

SELAIN bermandi-manda di persisiran Pantar Floria, pengunjung juga boleh menikmati pemandangan tasik yang indah dengan berkayak.




# Umpama berada di pantai sebenar

KUNJUNGAN *Panorama* ke Pantai Floria baru-baru ini bagi melihat sendiri keunikan pantai dalam bandar itu disajikan dengan pemandangan tasik yang indah serta keriangan kanak-kanak yang kelihatan begitu teruja bermain pasir.

Turut kelihatan beberapa keluarga mengambil kesempatan menghamparkan tikar dan berkelah seolah-olah berada di tepi pantai sebenar, lebih-lebih lagi apabila sesekali disapa angin sepoi-sepoi bahasa.



ZARIN

Seorang pengunjung, Zarin Mohamad, 33, berkata, dia langsung tidak menyangka terdapat sebuah pantai mini di tengah bandar seperti Putrajaya yang boleh dinikmati pengunjung setiap hari.

Zarin yang pertama kali menjejakkan kaki ke Pantai Floria memberitahu, dia dimaklumkan tentang pantai tersebut oleh rakannya yang menetap di Putrajaya dan membuat keputusan untuk ke situ bersama keluarga bagi melihatnya sendiri.

"Pada mulanya memang saya agak skeptikal apabila rakan memberi tahu tentang kewujudan pantai di tengah bandar seperti Putrajaya yang terkenal dengan tasik dan bukannya laut, namun selepas melihat sendiri barulah saya faham bahawa ia pantai buatan di persisiran tasik ini.

"Penghasilan pantai ini amat mengagumkan kerana pihak PPj betul-betul berusaha menjadikan ia seperti pantai sebenar, malah anak-anak juga seronok menggali dan membina istana pasir betul-betul seperti di pantai sebenar.

"Pembukaan lokasi seperti ini kepada pengunjung pada pandangan saya, adalah sesuatu yang harus dipuji kerana secara tidak langsung dapat menggalakkan orang ramai untuk melakukan aktiviti di luar bersama keluarga," katanya.

Zarin yang menetap di Wangsa Maju, Kuala Lumpur berkata, kunjungannya ke Pantai Floria adalah berbaloi kerana dapat menyaksikan keindahan sebenar Putrajaya, malah berpeluang merasai sendiri keunikan pantai di dalam bandar walaupun ia sekadar pantai buatan.

"Pelbagai aktiviti disediakan kepada pengunjung di sini, malah kadar bayaran yang dikenakan juga tidaklah mahal hanya RM3 untuk dewasa dan tiada bayaran bagi kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah.

"Tidak mustahil selepas ini akan ada lebih banyak lagi kawasan seperti ini di Putrajaya.

"Ini kerana, pada hari ini pun kita dapat melihat ramai pengunjung yang datang sehingga terpaksa menunggu giliran untuk membawa anak-anak bermain di tepi pantai," ujarnya.

# Bazar Aidilfitri Lorong TAR meriah

Peniaga luah rasa gembira operasi perniagaan dapat sambutan pelanggan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Peniaga Bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) meluahkan rasa lega apabila hari pertama operasi bazar berkenaan pada Sabtu mendapat sambutan positif daripada pengunjung.

Peniaga serunding dan rendang, Redzuan Ghazali, 54, berkata, dia tidak menang tangan melayan pelanggan yang memenuhi gerainya sejak dibuka jam 10 pagi.

Menurutnya, petanda baik itu menunjukkan perniagaan bazar pada tahun ini kembali meriah selepas hampir tiga tahun dibelenggu pandemik Covid-19.

"Jika dibandingkan tahun lepas, tahun ini perniagaan nampak baik dan pelanggan memberangsangkan.

"Tahun lepas, saya hanya dapat bertahan selama 10 hari berniaga di sini sebelum ambil keputusan angkat kaki.

"Perniagaan tahun lepas memang menurun hinggakan nak bayar sewa tapak pun tak lepas," katanya ketika tinjauan *Sinar Harian* pada Sabtu.

Seorang peniaga kuih raya, Muhamad Mustaqim Shaharudin, 29, berkata, jualan kurang dua jam pada Sabtu menyemai pendapatan tiga hari operasi pada tahun lepas.

"Tahun lepas perniagaan kurang sambutan kerana prosedur operasi standard (SOP) dan kawalan ketat mempengaruhi jumlah pengunjung yang belibelah ke sini.

"Kami jadi lega apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) beri kelonggaran dengan buka pagar yang dipasang di kawasan bazar ini yang memudahkan urusan jual-beli," katanya.

Sementara itu seorang pengunjung, Mohamad Abdullah, 59, berkata, dia berpuas hati dengan kelonggaran operasi bazar berkenaan yang memudahkan peniaga dan pengunjung untuk membeli-belah.

"Apabila kelonggaran telah diberikan, saya harap orang awam dapat sama-sama menjaga diri dengan mengamalkan SOP kendiri seperti elak bersesak dan menjaga penjarakan fizikal," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Mohd Ariff Shaari, 35, berkata, jumlah pengunjung pada hari pertama operasi nampak terkawal.



Keadaan hari pertama operasi Bazar Aidilfitri Lorong TAR pada Sabtu.



Orang ramai membanjiri Bazar Aidilfitri Lorong TAR pada Sabtu.

"Belum nampak lagi kemeriahan mungkin kerana masih awal Ramadan namun dijangka akan bertambah menjelang hujung Ramadan atau selepas pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diluluskan nanti," katanya.

Dalam pada itu petugas DBKL yang membuat rondaan di kawasan itu pada Sabtu memberitahu seramai 26 anggota ditugaskan pada hari pertama operasi bazar tersebut.

Menurutnya, sistem kawalan pada tahun ini lebih longgar berbanding tahun sebelumnya apabila sistem pagar dimansuhkan.

"Tiada pas digunakan untuk hadkan pengunjung namun kami nasihatkan orang ramai untuk terus patuhi SOP dan jaga jarak.

"Petugas akan memberikan teguran dari semasa ke semasa bagi memastikan keadaan terkawal dan tidak terlalu sesak pada satu-satu masa," katanya.

Sebanyak 206 petak niaga disediakan di bazar Aidilfitri Lorong TAR yang beroperasi 9 April hingga 2 Mei bermula jam 10 pagi hingga 12 malam.

# Mudflow menace in Taman Goodwood

## Contractor promises to remove earth, water pipes stored on private land

By BAVANI M.
bavanim@thestar.com.my

RESIDENTS living around Taman Goodwood in Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, start to panic every time it rains.

They constantly hope that the rain will be mild and not lead to a flash flood, but most times they are not so lucky.

Their situation was made worse recently when an empty plot of land in Jalan Kangkong was used by a contractor to store water pipes as well as mounds of earth and sand for a construction project.

With the recent spate of heavy rain, rainwater sediment mixed with mud, silt and debris from the site flowed into the main road and inner roads as well as drains, resulting in backflow.

The surface run-off also flowed into front porches of residential homes and commercial shops in the vicinity.

"My house porch is always affected," said resident L.K. Teh.

She said she had to spend hours cleaning out the mud from her porch in Jalan Peria after it rained.

A restaurant proprietor who declined to be named said her restaurant was affected from the backflow.

"The drains get clogged up and it takes hours to clean it," she said.

Residents conceded that the area had always been prone to flash floods, but it was made worse because of the empty land in front of a church.

"Every day, we see lorries entering the area to either dump sand or take it away. There is also a contractor working at the site," said Full Gospel Assembly (FGA) church administrator Ang Chu Peng.

The residents said they had lodged complaints with Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Seputeh MP's Teresa Kok's office as well as Air Selangor.



During heavy rain, piles of earth from a private land flow into the Jalan Kangkong main road, drains and residential homes.



The FGA church is one of many premises affected by the mudflow.

Upon checks at the site by *StarMetro*, a lorry was seen entering the area presumably to transport earth. However, the lorry driver drove off after he saw the media.

According to a contractor compacting the earth at the site, he said his job was to ensure the earth and sand did not encroach into Jalan Kangkong.

A representative of Vistamore Sdn Bhd, the contractor responsible for storing the pipes and earth, confirmed they were using the site for stockpiling while waiting for an Integrated Water Supply Scheme (IWSS) project permit from Air Selangor.

"We are aware that the heavy rain is causing the mudflow run-offs and we apologise for any inconvenience that the residents have to endure.

"We did not anticipate the heavy rain.

"We will remove everything by today and clear the area," he said, adding that he had received calls from both DBKL and Air Selangor regarding the matter.

Starmetro · 11/4/22 (Monday) · pg: 4

# Traffic lights add to congestion problem in Kepong Baru

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

TRAFFIC lights at the junction of Jalan Mergastua and Jalan Belibis in Kepong Baru, Kuala Lumpur, may not be fully benefitting residents there.

The traffic lights, installed in September last year, were supposed to address heavy traffic but instead have worsened the situation in the area.

Kepong Community Service Centre head Yee Poh Ping said Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had shut down the traffic lights following the congestion on the first day of operation.

However, the traffic lights resumed operations on March 23.

"Although DBKL has widened the junction and included a dedicated lane to turn into Jalan Belibis from Jalan Mergastua, we are sceptical that the current traffic lights system will work.

"We had suggested to DBKL to either construct road bumps or widen Jalan Mergastua into a four-lane, two-way traffic road to ease motorists turning in and out of Jalan Mergastua.

"But DBKL chose to widen the junction of Jalan Mergastua and Jalan Belibis instead," he said at a press conference.

Jalan Mergastua connects Jalan Metro Prima to the Petaling roundabout.

Along the road, there are many junctions for motorists from surrounding neighbourhoods to get to other areas such as the DUKE Highway, New Klang Valley Expressway, Segambut and Sungai Buloh via Jalan Mergastua.

There are six junctions along the 600m stretch between the Jalan Bangau-Jalan Mergastua junction and the Petaling roundabout.

The area also has a morning market, commercial centres and two schools.

The number of vehicles often double during peak hours, notably before and after school hours for the morning and afternoon sessions.

Previously, residents from the neighbourhood on both sides of Jalan Mergastua found it difficult to turn into the main road due to the high volume of vehicles during peak hours.



Yee says DBKL did not consider the residents' suggestion of adding road bumps and widening Jalan Mergastua.

Yee said the impact of the traffic lights, after the junction widening, could only be assessed when schools resume physical classes this month.

"We hope the traffic lights can solve the traffic problem and we ask DBKL to closely monitor the traffic management system.

"If it fails to address the road congestion, we ask that they remove the traffic lights," he said.

Harian Metro. 11/4/22 (Isnin). M/S: 22

# Warga asing ludah penguat kuasa DBKL diberkas

**Kuala Lumpur:** Polis menahan pasangan suami isteri warga asing dipercayai menggunakan kekerasan terhadap penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sedang menjalankan tugas di hadapan sebuah bank di Selayang, petang kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sentul Superintendan Heisham Harun berkata, pihaknya menerima laporan daripada penguat kuasa DBKL terbabit pada 6.41 petang melibatkan dua warga asing yang enggan bekerjasama dan melakukan provokasi agresif.

"Semasa penguat kuasa DBKL tersebut sedang melakukan rondaan, mereka terserempak dengan dua warga asing sedang berniaga di kawasan kaki lima bank berkenaan dan bertindak menyita barangan mereka.

"Namun pasangan suami isteri itu bertindak menepis tangan pihak berkuasa yang sedang merakam video sehingga menyebabkan telefon bimbitnya jatuh dan rosak," katanya dalam satu kenyataan.

Heisham berkata, pasangan suami isteri itu turut mengeluarkan kata-kata kesat dan meludah ke arah muka seorang daripada penguat kuasa DBKL selain mengoyakkan baju sendiri serta menuduh perbuatan tersebut dilakukan penjawat awam berkenaan bagi mengelak dirinya ditangkap.

> "Kedua-dua warga asing berkenaan ditahan dan direman hingga 22 April
> Heisham

Beliau berkata, ekoran kejadian itu, kedua-dua warga asing berkenaan ditahan di tempat kejadian dan direman hingga 22 April bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan kerana menggunakan kekerasan terhadap penjawat awam dan Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan sah.